

Majlis Perasmian Karnival Stem@UiTM 2018



Pada 28 Ogos 2018 telah berlangsung Majlis Perasmian Karnival STEM (Science, Technology, Engineering, Mathematics) 2018 di Kompleks Kejuruteraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, UiTM Shah Alam. YB Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, telah hadir dan merasmikan karnival tersebut.

Karnival ini merupakan karnival pertama diadakan dengan himpunan barisan ilmuwan UiTM dari pelbagai bidang melalui kaedah interaktif tersendiri bagi meningkatkan keseronokan pembelajaran dalam mata pelajaran STEM.

Karnival ini adalah anjuran Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik dengan kerjasama Penyelaras STEM UiTM daripada seluruh fakulti di UiTM serta Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan semua pihak yang terlibat menjayakannya Karnival STEM@UiTM ini bukan sahaja berjaya menganjurkan

Karnival STEM UiTM Peringkat Negeri Selangor, bahkan turut melibatkan sekolah-sekolah angkat di bawah aktiviti STEM@UiTM dalam menyempurnakan aspirasi kementerian.

UiTM sangat komited dalam menyokong agenda STEM di negara ini. Sebagai sebuah universiti yang menitikberatkan agenda penyelidikan, UiTM sentiasa berusaha memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan serta kemudahan prasarana yang disediakan menepati dan mencapai standard yang ditetapkan.

Penganjuran Karnival STEM ini dilihat akan menjadi platform terbaik dalam memberi dan menyebarkan maklumat yang tepat serta terkini kepada pelajar sekolah dan calon mahasiswa peringkat pengajian tinggi.





Ekspedisi Kayak Nusantara Riau

Pusat Sukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan acara kayak yang julung kalinya diadakan oleh mahasiswa, mahasiswi dan alumni UiTM di laluan perairan Selat Melaka, yang melibatkan laluan dari Port Dickson - Melaka - Muar - Pulau Bengkalis, Indonesia.

Misi utama program ini adalah untuk meningkatkan imej UiTM di peringkat antarabangsa melalui aktiviti lasak. Ekspedisi ini juga telah menempa nama dalam *Malaysia Book of Records* dalam memecah rekod ekspedisi kayak paling ramai dalam satu masa dengan jumlah laluan lebih 100 kilometer.

Ekspedisi yang berlangsung pada 20 hingga 25 Julai 2018 melibatkan

penyertaan lebih 210 orang pendayung dari seluruh kampus UiTM. Ekspedisi ini juga telah menjalin kerjasama bersama Politeknik Negeri Bengkalis, Indonesia apabila beberapa program kerjasama dibuat antara mahasiswa UiTM dan mahasiswa Politeknik Negeri Bengkalis, Indonesia.

Majlis perasmian program ini berlangsung pada 20 Julai 2018 dan telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Sembilan, Mohamad Taufek Abd. Ghani dan turut dihadiri oleh Prof. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Prof. Dr. Nasrudin Mohammed.



SIDANG REDAKSI

Penaung
Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Penasihat
Alfina Bakar

Ketua Editor
Mohammad Syazwan Mohd

Editor
Aida Ahmad Saipuddin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

Penulis Berita
Hanisah Yacob
Umi Kazura Zakaria
Nur Idune Hayana Che Mohd
Nor Azlina Nordin
Noor Suhada Sapri (Pelatih Industri)
Nurain Anafrah AbdulSattar (Pelatih Industri)

Jurufoto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran
Asura Rahman

 @VCUITM

 UTM di Hartika
YouTube

 www.utm.edu.my

 UTM Rasmi: www.facebook.com/utmrasm1
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensa korporat



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri TuanKu Syed Shajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor

